



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-31**

**PEMANTAPAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di UPM.

Latar Belakang

2. Pelaksanaan program KIK UPM telah bermula pada tahun 2009 selaras keputusan Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPU) (petikan minit JPU ke-353) telah meluluskan pelaksanaan program KIK sebagai salah satu usaha universiti untuk meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam. JPU juga meminta supaya setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) mempunyai sekurang-kurangnya satu projek KIK (1 PTJ, 1 KIK).

3. Bermula tahun 2009, jumlah KIK yang berdaftar di UPM adalah sebanyak 83 kumpulan dengan 21 projek lengkap. Ini menunjukkan bahawa budaya kerja secara inovatif dan kreatif bukanlah baru bagi staf Universiti. **Jadual A** menunjukkan ringkasan pelaksanaan KIK di UPM.

Jadual A: Ringkasan Pelaksanaan KIK di UPM

Tahun	Bil. KIK Berdaftar	Bil. Projek	Bil. Penyertaan KIK ke Konvensyen UA	Pencapaian
2009	83	21	1 Kumpulan (Pejabat Pendaftar)	Johan (Kategori Pengurusan)
2010	83	21	4 Kumpulan (Taman Pertanian Universiti)	Tiada

Tahun	Bil. KIK Berdaftar	Bil. Projek	Bil. Penyertaan KIK ke Konvensyen UA	Pencapaian
2011	83	21	4 Kumpulan (Pejabat Pendaftar, Fakulti Perubatan Veterinar, Taman Pertanian Universiti, dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	1. Johan (Kategori Pengurusan) (Pejabat Pendaftar) 2. Anugerah Inovasi Terbaik (Fakulti Perubatan Veterinar)
2012	89	22	2 Kumpulan (UPM Kampus Bntulu)	Tiada
2013	100	13	2 Kumpulan (Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	Anugerah Inovasi Harapan
2014	105	13	2 Kumpulan (Fakulti Perhutanan & Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)	1. Anugerah Emas (Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) 2. Anugerah Perak (Fakulti Perhutanan)
2015	107	12	2 Kumpulan (Fakulti Perhutanan & Pusat Kesihatan Universiti)	1. Anugerah Perak (Fakulti Perhutanan) 2. Anugerah Perak (Pusat Kesihatan Universiti)
2016	107	2	Tiada	Tiada

Pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif UPM

4. Pelaksanaan KIK di UPM dilihat semakin berkurang dari tahun 2009 hingga 2016 yang memberi kesan kepada UPM tidak melibatkan diri dalam konvensyen KIK peringkat Universiti Awam (UA) berdasarkan ketiadaan pasukan KIK yang mempunyai projek yang lengkap.

5. Bagi menggerakkan semula budaya kerja secara inovatif dan kreatif dengan penghasilan projek-projek inovasi dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan di Universiti, Pusat Jaminan Kualiti (CQA) telah merangka siri tindakan bagi pemantapan KIK di UPM (Rujuk Rancangan Pemantapan KIK UPM tahun 2017 sebagaimana di **Lampiran**).

6. Selain itu, pelaksanaan KIK di UPM dapat membantu PTJ meningkatkan prestasi penarafan bintang pengurusan pentadbiran yang mana KIK merupakan salah satu komponen dalam kriteria penarafan tersebut di bawah inovasi perkhidmatan.

7. Seterusnya, bagi membantu UPM dalam usaha menyemarakkan semula budaya kerja berkualiti menerusi KIK dan dalam masa yang sama dapat mencapai sasaran bagi meningkatkan prestasi penarafan bintang pengurusan pentadbiran, CQA mengambil inisiatif menubuhkan pasukan fasilitator UPM iaitu menggunakan kepakaran dalaman. Inisiatif ini dilaksanakan kerana UPM tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melantik perunding luar sebagaimana yang dilaksanakan sebelum ini.

8. Seramai enam (6) orang fasilitator UPM telah dilantik berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka dalam KIK dan pernah mencapai kejayaan dalam konvensyen KIK UA sebelum ini. Mereka dilantik dengan terma rujukan seperti berikut iaitu:

- (a) membimbing pasukan KIK berkaitan projek kumpulan berdasarkan kriteria penilaian KIK yang ditetapkan;
- (b) menjadi pakar rujuk pasukan KIK di UPM;
- (c) menjadi panel penilai bagi pertandingan KIK peringkat UPM.

9. Senarai fasilitator KIK UPM adalah sebagaimana **Jadual B**.

Fasilitator KIK UPM	Pusat Tanggungjawab	Penglibatan dalam KIK UPM
(a) Encik Norman Azlan Osman (Ketua Fasilitator)	Pejabat Pendaftar	Ketua Kumpulan BEST, Pejabat Pendaftar
(b) Encik Mohd Sopian Mohd Zin	Fakulti Perhutanan	Fasilitator Kumpulan FLORA dan Kumpulan FORR
(c) Cik Haslina Abu Seman @ Talib	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	Fasilitator Kumpulan Smart ACQLib
(d) Puan Salmah Abdullah	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	Fasilitator Kumpulan QLibri
(e) Puan Aziah Hj. Noh	Institut Biosains	Fasilitator Kumpulan SMART REG-O, Pejabat Pendaftar
(f) Puan Rozi Tamin	Pusat Jaminan Kualiti	Ketua Kumpulan SMART REG-O, Pejabat Pendaftar

Syor

10. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) menyokong penubuhan KIK di PTJ sebagai medan/kaedah menggalakkan inovasi perkhidmatan di UPM;
- (b) mengambil perhatian cadangan takwim pemantapan KIK yang boleh disertai oleh KIK PTJ;
- (c) mengambil perhatian pelaksanaan KIK dapat membantu PTJ dalam meningkatkan prestasi penarafan bintang pengurusan pentadbiran di bawah komponen inovasi perkhidmatan.

RANCANGAN PEMANTAPAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UPM 2017

Bil	Perkara	Cadangan Tarikh	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
1.	Perjumpaan Khas Ketua Kumpulan KIK dan Inovasi Perkhidmatan yang telah menyertai anugerah KIK/Inovasi Perkhidmatan sempena HKIP 2016	13 JAN												
2.	Perjumpaan bersama Fasilitator KIK UPM	13 Feb												
3.	Bengkel KIK 1: Semakan dan penyesuaian projek berasaskan kriteria penilaian	26 JAN Dijadual semula 24 Feb												
4.	Bengkel KIK 2: Semakan analisis peluang penambahbaikan, menilai penyelesaian lternatif dan menilai penyelesaian akhir projek	9 FEB Dijadual semula 3 Mac												
5.	Bengkel KIK 3: Semakan pemantauan penyeragaman	3 MAC												
6.	Bengkel KIK 4 & 5: Semakan pencapaian dan penciptaan nilai projek	24 MAC 28 APRIL												
7.	Pembentangan dan penilaian projek KIK	24 & 25 MEI												

Bil	Perkara	Cadangan Tarikh	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
8.	Bengkel KIK 6 & 7: Penambahbaikan projek dan persembahan projek	30 MEI 16 JUN												
9.	Mini Konvensyen KIK UPM	27 JULAI												
10.	Bengkel KIK 6: Pemantapan persembahan projek (intensif)	BERTERUSAN												
11.	Menyertai Konvensyen KIK Universiti Awam	1-3 OGOS												
12.	Penilaian KIK bagi Anugerah KIK dan pemarkahan komponen dalam Penarafan Bintang sempena HKIP 2017	29 SEPT												
13.	Post mortem pencapaian projek KIK (SELEPAS HKIP 2017)													

Nota:

HKIP-Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan